

MAHATHIR-RAJA
(1)

1983

KUALA LUMPUR, 17 DIS. (BERNAMA)-- RAJA-RAJA TELAH BERJANJI TIDAK AKAN MELAMBAT-LAMBATKAN MEMBERI PERKENAN DIRAJA KEPADA RANG UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH DEWAN UNDANGAN NEGERI MASING-MASING SEPERTI YANG PERNAH BERLAKU DI PERAK DAN PAHANG; KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+RAJA-RAJA TELAH MEMBERI PERJANJIAN LISAN BAHAWA KEJADIAN SEPERTI ITU TIDAK AKAN BERULANG LAGI,+ PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

+KAMI MEMPERCAYAI RAJA-RAJA DALAM PERKARA INI,+ KATANYA.

+PERJANJIAN LISAN ITU MEMADAI....KITA TELAH MELALUI SATU PROSES YANG MEMBERI PENGAJARAN DAN SAYA FIKIR PERJANJIAN ITU MEMADAI,+ TAMBAHNYA.

BELIAU MERUJUK KEPADA PERKARA 130 MENGENAI PERISYTIHARAN DARURAT, DAN BERKATA KERAJAAN TIDAK MEMINTA SEBARANG PERJANJIAN DARIPADA RAJA-RAJA. --LAGI 2107/MD

ZCZC B582

MAHATHIR-RAJA 2 KUALA LUMPUR

+KITA FAHAM TENTANG IMPLIKASI PERUNTUKAN ASAL ITU,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA HUBUNGAN ANTARA RAJA-RAJA DENGAN KERAJAAN BERIKUTAN KELULUSAN PINDAAN-PINDAAN PERLEMBAGAAN OLEH PARLIMEN DALAM BULAN OGOS TIDAK TERJEJAS.

+KITA TIDAK MEMPUNYAI APA-APA MASALAH. HUBUNGAN ANTARA KITA SEPERTI BIASA.+

DITANYA TENTANG RASA TIDAK PUAS HATI OLEH SULTAN JOHOR DAN SULTAN KELANTAN SEPERTI YANG DILAPORKAN HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA:

+KITA TIDAK BERCAKAP TENTANG KESEJAHTERAAN TETAPI PERUNDANGAN.+

+SAYA YAKIN MEREKA TELAH MENERIMA HAKIKAT ITU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBELUM PERKENAN DIRAJA DIBERI OLEH TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG, PERUNDINGAN TELAH DIADAKAN DENGAN SEMUA RAJA. --LAGI 2113/MD

ZCZC B583

MAHATHIR - RAJA 3 KUALA LUMPUR

+SETAHU SAYA, MEREKA SEMUA MENYEDARINYA,+ KATANYA.

MENGENAI KENYATAAN OLEH SULTAN JOHOR BAHAWA UMNO DIPERGUNAKAN DALAM ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN, PERDANA MENTERI MENJAWAB: +SETIAP ORANG BERHAK MENYUARAKAN PENDAPATNYA.+

DITANYA SAMPA ADA ISU TERSEBUT MERUPAKAN CABARAN TERBESAR DALAM EJARAH NEGARA, BELIAU BERKATA: +IA BUKAN CABARAN. IA CUMA MEMERLUKAN TEMPOH YANG PANJANG UNTUK DISELESAIKAN.+ --BERNAMA 2120/MD